



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

JAS PERKUKUH TATAKELOLA KAWALAN TUMPAHAN MINYAK MELALUI LATIHAN EX-TAMBAN

Kuala Terengganu – Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus komited memastikan tatakelola kawalan pencemaran minyak dipatuhi oleh semua pihak bagi meminimumkan impak terhadap alam sekitar serta memperkuat koordinasi apabila berlakunya krisis. Bagi merealisasikan komitmen ini, Latihan Melawan Tumpahan Minyak (Ex-Tamban) yang dianjurkan secara berkala bersama pihak industri dan agensi kerajaan telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia dengan diiringi Encik Mohamed Mursyidie Mohamed Ali, Pengurus Besar MPM PETRONAS di Kerteh Port, Terengganu.

Selari dengan berkuatkuasanya perwakilan kuasa pada 8 Julai 2025, inisiatif ini merupakan langkah proaktif JAS dalam meningkatkan kesiapsiagaan semua pihak sama ada agensi kerajaan persekutuan dan negeri, industri, mahupun badan bukan kerajaan agar tindakan pantas dapat diambil sekiranya berlaku bencana.

Rekod JAS menunjukkan sebanyak **37 kes tumpahan minyak telah dilaporkan dalam tempoh lima tahun yang lalu**. Bagi **tahun 2025 pula, sehingga bulan Ogos hanya lima kes direkodkan**. Penurunan ini membuktikan keberkesanan tindakan pantas hasil komitmen padu semua pihak termasuk industri. Setiap insiden yang berlaku berjaya ditangani mengikut SOP sedia ada, sekali gus meminimumkan kesan terhadap alam sekitar kerana tiada rebakan hingga ke pesisir pantai. Hal ini jelas membuktikan bahawa tindakan segera dan berkesan amat penting dalam mengurangkan kerugian sumber kepada negara. Latihan ini juga menekankan pentingnya koordinasi dan komunikasi yang lancar antara semua agensi yang terlibat.

Menariknya, latihan yang berjalan selama dua hari, 19-20 Ogos 2025 kali ini turut menampilkan penggunaan teknologi moden termasuk kecerdasan buatan (AI) sebagai medium simulasi, selain pengoperasian aset Oil Spill Equipment daripada PIMMAG yang digerakkan melalui field deployment di laut. Latihan Ex-Tamban turut menekankan kepentingan koordinasi dan komunikasi antara semua agensi terlibat. Sepanjang tiga hari penganjuran, beberapa pelan tindakan telah diuji keberkesanannya, termasuk:

- Oil Spill Response Plan (OSRP) oleh EnQuest dan Jadestone,
- Marine Oil Spill Contingency Plan (MOSCoP), dan
- Mekanisme Request for Government Assistance for Oil Spill Response (Tier 1 & 2 Industry).

Kelemahan yang dikenal pasti akan ditambah baik agar pelan-pelan ini dapat berfungsi secara optimum apabila berdepan insiden sebenar.

Penganjuran Ex-Tamban membuktikan bahawa latihan berterusan bersama industri minyak dan gas amat relevan serta perlu diteruskan. Penglibatan agensi kerajaan pula memastikan setiap pihak memahami dengan jelas peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam kawalan serta pembersihan tumpahan minyak, khususnya bagi insiden yang puncanya tidak dapat dikenal pasti. Justeru, latihan sebegini berperanan memperkukuh kesiapsiagaan, sokongan dan tindakan bersama dalam usaha mengawal serta membersihkan insiden tumpahan minyak.

Selain meningkatkan keupayaan respons, latihan ini turut menjadi platform perkongsian kepakaran, teknologi, sistem kawalan dan kaedah komunikasi yang lebih teratur antara semua pihak. Kejayaan Ex-Tamban jelas menunjukkan bahawa komitmen dan kerjasama menyeluruh adalah kunci utama, bukan sahaja ketika latihan dijalankan malah lebih kritikal apabila berdepan insiden sebenar. Usaha ini sejajar dengan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 14: Memulihara dan Menggunakan Secara Lestari Lautan, Laut serta Sumber Marin.**

Turut hadir dalam majlis ini ialah Pengarah Jabatan Laut Wilayah Timur, En. Mohamad Halizam bin Samsuri, Pengurus Besar HSE, Jadestone Energy, Encik Fauzi Abbas dan HSEA Manager, Enquest En. Vikneswaran Munusamy.

DATO' WAN ABDUL LATIFF WAN JAFFAR
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR
20 OGOS 2025



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

LATAR BELAKANG SIMULASI EX TAMBAN

Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama MPM PETRONAS, EnQuest and Jadestone Energy selaku *Petroleum Arrangement Contractor* telah mengadakan sesi latihan melawan tumpahan minyak (Oil Spill Combat Exercise) yang dinamakan Ex Tamban di Kerteh Port Sdn. Bhd. Latihan ini akan melibatkan sesi *Table-Top Exercise* dan *Field Deployment Exercise* (FDX) yang melibatkan aset Jabatan Laut Wilayah Timur dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Ex-Tamban 2025 dijalankan selama dua (2) hari iaitu pada 19 dan 20 Ogos 2025.

Selain daripada pihak PETRONAS, EnQuest dan Jadestone, latihan ini turut disertai agensi-agensi di bawah Jawatankuasa Kawalan Tumpahan Minyak (JKTM) seperti Jabatan Laut Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Pasukan Gerakan Udara, Polis Marin, Jabatan Perikanan, Imigresen, Kastam, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dengan penyertaan lebih kurang seramai 150 orang yang terlibat dalam latihan ini.

Tujuan latihan ini adalah untuk memberi pendedahan dan memastikan kesiapsiagaan semua pihak yang bertanggungjawab dalam tindak balas melawan tumpahan minyak di laut iaitu bermula dari Peringkat Pertama (*Tier 1*) iaitu tindak balas di peringkat *spiller* iaitu EnQuest dan Jadestone. Ini kerana dalam scenario latihan adalah melibatkan kapal *supply boat* yang digunakan oleh Jadestone melanggar platform riser yang dioperasikan oleh EnQuest menyebabkan tumpahan minyak mentah daripada paip. Kemudian tindak balas dipanjangkan kepada Peringkat Kedua dan Ketiga (*Tier 2 & 3*) *Malaysia Oil Spill Contingency Plan* (MOSCoP) kerana bantuan kerajaan diperlukan bagi membendung pencemaran minyak melepasi sempadan dari perairan Malaysia ke perairan Indonesia.